

BAB 5 Pengangkutan di Malaysia

Panduan RPH					
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
3.1 Pengangkutan di Malaysia	3.1.1 Mengenal pasti jaringan jalan raya dan jaringan landasan kereta api di Malaysia		Buku Teks m.s 72-73	Soalan 1 Soalan 2	TP1 44
BBM		PAK-21	KBAT		
Buku teks, peta Malaysia, foto lebuh raya di Malaysia		<i>Hot Seat</i>	Menganalisis		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
Patriotisme, kelestarian alam sekitar		Peta bulatan	Toleransi, hemah tinggi		

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan kepada murid tentang jaringan jalan raya di Malaysia.
2. Guru menampal peta jaringan lebuh raya utama di Malaysia di hadapan kelas.
3. Guru menunjukkan beberapa contoh foto lebuh raya utama di Malaysia.
4. Guru melantik seorang murid untuk duduk di *Hot Seat* sebagai pakar untuk menjawab soalan-soalan yang akan dikemukakan oleh murid lain berdasarkan peta jaringan lebuh raya utama.
5. Murid menjawab soalan 1 dan soalan 2 dalam buku Power Up Geografi halaman 44.

Panduan RPH					
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
3.1 Pengangkutan di Malaysia	3.1.1 Mengenal pasti jaringan jalan raya dan jaringan landasan kereta api di Malaysia		Buku Teks m.s 74-75	Soalan 3 Soalan 4	TP1 45
BBM		PAK-21	KBAT		
Buku teks, peta Malaysia, foto stesen kereta api dan kereta api di Malaysia		<i>Think-Pair-Share</i>	Menganalisis		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
Patriotisme, kelestarian global		–	Bertanggungjawab, kasih sayang		

Cadangan PdPc

1. Guru menunjukkan peta jaringan landasan kereta api utama di Malaysia.
2. Guru berbincang dengan murid tentang perkembangan jaringan landasan kereta api di Malaysia.
3. Guru meminta murid menamakan terminal kereta api utama di Malaysia.
4. Murid menjawab soalan 3 dan soalan 4 dalam buku Power Up Geografi halaman 45.
5. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
6. Guru mengemukakan soalan tentang perkembangan jalan kereta api di Malaysia.
7. Setiap ahli kumpulan diberikan masa untuk berfikir, kemudian membincangkannya dengan ahli kumpulan yang lain secara berpasangan.
8. Semua ahli kumpulan pula berkongsi jawapan dengan kumpulan lain.

Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)						
3.1 Pengangkutan di Malaysia	3.1.2 Mengenal pasti lapangan terbang antarabangsa dan pelabuhan utama di Malaysia	Buku Teks m.s 76-77		Soalan 5 Soalan 6	TP1	46
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, peta Malaysia, foto lapangan terbang di Malaysia		Peta i-THINK		Mennganalisis		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Patriotisme, kelestarian global		Peta pokok		Bertanggungjawab, kasih sayang		
Cadangan PdPc						
1. Guru menampal peta lapangan terbang antarabangsa di Malaysia di hadapan kelas. 2. Guru meminta murid menamakan lapangan terbang antarabangsa yang mereka tahu. 3. Guru menunjukkan beberapa foto lapangan terbang di Malaysia. 4. Guru menerangkan perbezaan antara lapangan terbang antarabangsa, lapangan terbang domestik dan padang terbang STOLport. 5. Murid menjawab soalan 5 dan soalan 6 dalam buku Power Up Geografi halaman 46. 6. Guru melukis peta pokok di papan putih. 7. Murid secara bergilir-gilir menyenaraikan lapangan terbang antarabangsa, lapangan terbang domestik dan padang terbang STOLport di Malaysia.						

Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)						
3.1 Pengangkutan di Malaysia	3.1.2 Mengenal pasti lapangan terbang antarabangsa dan pelabuhan utama di Malaysia	Buku Teks m.s 78-79		Soalan 7 Soalan 8	TP1	47
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, peta Malaysia, foto pelabuhan utama, bola pingpong		Circle Time		Menilai, mencipta		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Patriotisme, kelestarian global		—		Bertanggungjawab		
Cadangan PdPc						
1. Guru memberi penerangan kepada murid tentang pelabuhan utama di Malaysia. 2. Guru menunjukkan peta pelabuhan utama di Malaysia. 3. Guru menunjukkan beberapa contoh foto pelabuhan di Malaysia. 4. Murid menjawab soalan 5 dan soalan 6 dalam buku Power Up Geografi halaman 47. 6. Guru menyediakan bola pingpong. 7. Sesiapa yang memegang bola diminta memberi penerangan tentang salah satu pelabuhan di Malaysia. 9. Kemudian, murid tersebut memberi bola tersebut kepada murid lain untuk memberi peluang kepada mereka bercakap tentang pelabuhan lain di Malaysia.						

Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)						
3.1 Pengangkutan di Malaysia	3.1.3 Memberi contoh pengangkutan awam di Malaysia	Buku Teks m.s 80		Soalan 9 Soalan 10 Soalan 11	TP3	48
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, foto pengangkutan awam di Malaysia		Carousel		Menganalisis, mengaplikasi		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian global, patriotisme		Peta bulatan		Bertanggungjawab		
Cadangan PdPc						
1. Guru berbincang dengan murid tentang jenis pengangkutan awam di Malaysia. 2. Guru menunjukkan foto-foto pengangkutan awam di Malaysia. 3. Murid menjawab soalan 9, soalan 10 dan soalan 11 dalam buku Power Up Geografi halaman 48. 4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 5. Guru menampal foto-foto pengangkutan awam di sekeliling kelas. 6. Murid bergerak dalam kumpulan dari satu foto ke satu foto yang lain dengan menunggu arahan guru sebelum bergerak. 7. Semua murid bergerak ke setiap foto yang diletakkan. 8. Murid berbincang dan menulis jenis pengangkutan awam tersebut di atas sehelai kertas. 9. Setelah siap, murid kembali ke tempat asal masing-masing. 10. Guru menilai hasil kerja setiap kumpulan.						

Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
3.1 Pengangkutan di Malaysia		3.1.4 Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi jaringan pengangkutan di Malaysia		Soalan 12 Soalan 13 TP2		49
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks		Travelling File		Menganalisis		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Patriotisme, kelestarian global		Peta pokok		Bertanggungjawab, bekerjasama		
Cadangan PdPc						
1. Guru menerangkan kepada murid tentang faktor-faktor yang mempengaruhi jaringan pengangkutan di Malaysia.						
2. Guru mengaitkan setiap faktor utama dengan jaringan pengangkutan di Malaysia.						
3. Murid menjawab soalan 12 dan soalan 13 dalam buku Power Up Geografi halaman 49.						
4. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan.						
5. Setiap kumpulan dibekalkan satu fail yang di dalamnya terdapat satu faktor untuk dibincangkan.						
6. Selepas 10 hingga 15 minit, catatan jawapan dimasukkan semula ke dalam fail dan diedarkan kepada kumpulan lain.						
7. Setiap kumpulan yang mendapat fail baharu daripada kumpulan lain membaca jawapan yang terdapat di dalam fail berkenaan sebelum dibincangkan, ditambah, dihurai atau disunting.						
8. Setelah setiap kumpulan memberikan respons kepada dua Travelling File, jawapan-jawapan tersebut dibincangkan di dalam kelas secara keseluruhan.						
Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
3.1 Pengangkutan di Malaysia		3.1.5 Membezakan kepentingan pengangkutan darat, udara dan air di Malaysia		Soalan 14 Soalan 15 Soalan 16 TP4 TP4		50
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks		Gallery Walk		Mennganalisis		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar		Peta pokok		Bekerjasama, toleransi		
Cadangan PdPc						
1. Guru berbincang bersama murid tentang kepentingan pengangkutan darat, udara dan air di Malaysia.						
2. Guru meminta beberapa orang murid menjelaskan kepentingan pengangkutan darat, udara atau air kepada diri mereka.						
3. Murid menjawab soalan 14, soalan 15 dan soalan 16 dalam buku Power Up Geografi halaman 50.						
4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.						
5. Murid secara berkumpulan diberikan tugas bertajuk kepentingan pengangkutan darat, udara dan air Malaysia yang perlu disiapkan dalam bentuk kertas sebak.						
6. Setiap siap, murid menampal hasil kerja di dinding untuk dilihat oleh kumpulan lain.						
7. Murid daripada kumpulan lain memberikan komen tentang hasil kerja kumpulan yang lain pada sticky note dan menampal pada hasil kerja tersebut.						

Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
3.1 Pengangkutan di Malaysia		3.1.6 Menilai kepentingan pengangkutan awam di Malaysia		Soalan 17 Soalan 18		TP5 51
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, foto pengangkutan awam di Malaysia, lembaran kerja		Round Table		Menganalisis		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar		Peta bulatan		Bekerjasama, toleransi		
Cadangan PdPc						
1. Guru berbincang bersama murid tentang kepentingan pengangkutan awam di Malaysia. 2. Guru memberikan lembaran kerja kepada setiap murid yang mengandungi peta bulatan. Tajuk peta bulatan tersebut ialah “Kepentingan Pengangkutan Awam”. 3. Murid menampal peta i-THINK yang telah lengkap di dalam buku latihan. 4. Murid dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan. 5. Secara berkumpulan, murid bergilir-gilir menulis kelemahan pengangkutan awam di Malaysia di atas kertas sebak yang sama dan menggunakan pen yang sama. 6. Kemudian, secara bergilir-gilir murid menulis cadangan tentang langkah-langkah untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia di atas kertas yang sama. 7. Murid juga boleh menjawab soalan 17 dalam buku Power Up Geografi halaman 51.						
Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
3.1 Pengangkutan di Malaysia		3.1.7 Mencadangkan amalan pengangkutan dan perjalanan lestari		Soalan 19 Soalan 20 Soalan 21 Soalan 22		TP6 52
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks		Rotating Review		Menganalisis		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar		Peta buih		Bertanggungjawab, rasional		
Cadangan PdPc						
1. Guru menerangkan kepada murid tentang amalan pengangkutan lestari di Malaysia. 2. Guru berbincang dengan murid tentang kelebihan amalan pengangkutan lestari. 3. Murid menjawab soalan 19, soalan 20 dan soalan 21 dalam buku Power Up halaman 52. 4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 5. Secara berkumpulan, mereka membincangkan amalan pengangkutan yang memberikan kesan yang minimum terhadap alam sekitar. 6. Amalan yang dibincangkan disarankan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas, mengurangkan masalah pencemaran udara dan tidak membebankan pengguna. 7. Perbincangan kumpulan masing-masing dicatatkan di atas kertas sebak. 8. Kertas sebak tersebut dipaparkan di tempat kumpulan masing-masing. 9. Setiap kumpulan bergerak dari satu kumpulan ke kumpulan lain untuk membuat penilaian hasil kerja setiap kumpulan. 10. Setiap kumpulan boleh membuat komen, idea tambahan atau persoalan pada kertas sebak berkenaan menggunakan pen yang berbeza.						